

# Kod etika pakaian di agensi kerajaan tolak unsur cauvinis

» *Kebebasan berpakaian mampu undang polarisasi kaum, masalah sosial*

Oleh Luqman Arif  
Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**enyeragaman etika pemakaian di kementerian dan agensi kerajaan berperanan sebagai assimilasi berbilang kaum di negara ini, sebaliknya langkah menolak unsur cauvinis.

Pakar sosial dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata mungkin ramai tidak menyedari bahawa cara berpakaian di negara ini di-

aitkan dengan identiti seseorang individu seperti bangsa atau kaum.

Sehubungan itu, katanya, kebebasan berpakaian ketika berurusan di kaunter perkhidmatan agensi kerajaan berupaya mengundang polarisasi kaum, sekali gus mencetuskan masalah sosial.

"Setiap peraturan ada matlamat tersendiri dan ia bakal memberi natijah buruk kepada pergaulan sosial di agensi kerajaan jika tidak dipatuhi.

"Kod etika pemakaian adalah kaedah bersifat tapisan supaya urusan rasmi di agensi kerajaan bebas daripada risiko ketegangan kaum," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

**Kesinambungan didikan**  
Garis panduan pemakaian perlawatan di agensi kerajaan menjadi isu hangat selepas seorang wanita yang berurusani di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) diberi kain sarung kerana didakwa tidak memenuhi kod

pemakaian, baru-baru ini.

Terbaru, seorang wartawan akhbar berbahasa Inggeris tempatan mendakwa dihalang membuat liputan berita di Kementerian Pertahanan kerana memakai skirt atas paras lutut dan hanya dibenarkan masuk selepas mengenakan sarung yang dibawanya.

Mohammad Shatar berkata, budaya berpakaian sopan ketika berurusan rasmi dalam kalangan masyarakat di Malaysia sudah diterapkan sejak bangku sekolah dan pada peringkat universiti.

"Jika kod etika pemakaian ini dipertikaikan, ia dikhuatir menimbulkan kekeliruan dan tanggapan negatif kepada generasi muda yang dididik untuk sentiasa berpakaian sopan."

"Justeru, perlu ada kesinambungan didikan supaya generasi muda boleh mempraktikkan apa yang disemai sejak sekolah ketika menempuh alam pekerjaan," katanya.



*"Setiap peraturan ada matlamat tersendiri dan ia bakal memberi natijah buruk kepada pergaulan sosial di agensi kerajaan jika tidak dipatuhi"*

**Mohammad Shatar Sabran,**  
Pakar sosial UPM